

Sumbangan Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof sebagai Tokoh Ulama di Kelantan

The Contribution of Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof as a Scholar in Kelantan

Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin¹, Khairulnazrin Nasir, Wan Mohd Al Hafiz Wan Mustapa³ & Abdul Azib Hussain⁴

¹ (Corresponding Author) Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ahmadsyakir@kias.edu.my

² Department of Usuluddin, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com

³ Department of Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: wanalhafiz@gmail.com

⁴ Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com

ABSTRAK

Kelantan yang dikenali sebagai Negeri Cik Siti Wan Kembang melahirkan para ulama yang disegani dan alim. Antara ulama yang masyhur ialah Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof. Namun, sejarah tokoh ini tidak diketahui ramai dan tidak banyak kajian dilakukan. Justeru itu, objektif kajian bertujuan mengisahkan sejarah hidup tokoh dan sumbangannya terhadap masyarakat. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan bentuk kualitatif melalui metod kepustakaan dan temubual. Makalah ini menjelaskan Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof berasal dari Kampung Kedondong Pasir Mas Kelantan. Tokoh ini memulakan pengajian di Pondok Kubang Bemban, belau meneruskan, Pondok Genting sebelum menyambung pengajian ke Madrasah Dar Ulum Al-Diniyyah Al-Jawiyyah di Mekah. Tuan Guru Haji Daud dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Tumpat Barat, kepercayaan diberikan untuk berkhidmat selama dua penggal. Beliau juga turut dilantik sebagai Yang Di-Petua PAS Kawasan Pasir Mas selama lapan tahun. Tuan Guru Haji Daud berperanan dalam mengembangkan sudut pendidikan, kepimpinan dalam politik dan kepimpinan serta di Kelantan.

Kata Kunci: Tuan Guru; Tokoh; Ulama Kelantan; Ahli Politik Islam

ABSTRACT

Kelantan is famously known as 'Negeri Serambi Mekah' and has produced many scholars who are pious and experts in their fields. Among them that were born in Pasir Mas is Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof. However, the details of this figure are less known to the public. Therefore, this research aims to explain the history and background of the figure. This research is driven by a qualitative study using library and interview methods. This article clarifies the details of Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof as one of the 'Kelantan's Scholars' who comes from Pasir Mas. His education journey started at Pondok Kubang Bemban and Pondok Genting before continuing his studies at Mecca for 14 years. Upon his return from Mecca, he spread knowledge to the entire corner of the state of Kelantan. He was involved in the political arena and became a member of the state assembly in Tumpat Barat for two terms from 1959 to 1969. In the meantime, he was elected as PAS Leader of the Pasir Mas Area from 1982 to 1989. Tuan Guru Haji Daud had a great contribution to the field of education, preaching, leadership in politics and leadership in society in Kelantan.

Keyword: Tuan guru; Figure; Scholar of Kelantan; Islamic Politician

1. Pengenalan

Ulama berperanan dalam mengembangkan ilmu di Tanah Air sejak turun temurun. Kesungguhan para ulama menyebarkan ilmu membuahkan kesan besar dalam masyarakat sehingga sumbangan ulama diiktiraf oleh institusi Diraja. Buktinya, salah seorang ulama yang disegani di Kelantan bernama Syeikh Abdul Halim telah dilantik menjadi penasihat kepada Sultan Muhammad 1. Tugas beliau adalah berdakwah tentang Islam di Kota Bharu dan kawasan sekitarnya (Luqman Abdullah, 2011).

Kemunculan ulama-ulama Melayu seperti Syeikh Wan Abdullah bin Wan Daud al-Fatoni, Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah (Tokku Pulau Manis), Sayyid Abdul Rahman Sayyid Muhammad Idrus (Tokku Paloh), Haji Hassan bin Panglima Mat Munas (Tok Janggut), Muhammad Yusof Bin Ahmad (Tok Kenali), Abdul Rahman bin Uthman (Tok Selehong) serta Syeikh Mohd Idris Bin Abdul Rauf Al-Marbawi merencanakan lagi perkembangan Islam di Tanah Melayu. Kehadiran tokoh-tokoh tersebut berjaya membangunkan kualiti kefahaman, penghayatan dan kesedaran terhadap masyarakat (Ayu Nor Azilah, 2016). Bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abi Darda RA:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ
بِحِطِّ وَافِرٍ

Terjemahan: Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi, sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham namun mereka mewariskan ilmu, Barangsiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak.

[HR Abu Dawud, Hadis No. 3641]

Negeri Kelantan turut melahirkan ramai tokoh-tokoh ulama. Kemunculan ulama-ulama Kelantan disumbangkan faktor masyarakat yang celik ilmu. Kesannya hampur setiap daerah di Kelantan diwujudkan institusi pendidikan Islam atau pondok. Antara pondok tersebut adalah Pondok Sugai Durian di Kuala Krai, Pondok Gelang Mas di Pasir Mas, Pondok Genting di Tumpat dan Pondok Pasir Tumboh di Kota Bharu. Pondok-pondok tersebut diasaskan oleh tokoh ulama setempat seperti Tok Guu Haji Abdullah Tahir, Tok Guru Hj, Abdul Aziz dan Tok Guu Hj. Abdul Rahman (Arbai'iyah 2008).

Perkembangan institusi pondok turut berlaku di Pasir Mas, antara ulama terawal yang membuka pondok di Pasir Mas ialah Tok Lebai Nik Man Pondok Chetok dan Syarif Hassan Pondok Aur Cina. (Farrah Wahida Mustafar, 2021). Institusi pondok Pasir Mas dikembangkan lagi oleh beberapa ulama kemudian termasuk Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kisah hidup Tuan Guru Haji Daud bin Haji Yusof sebagai tokoh ulama di Kelantan.

2. Ulasan Literatur

Merujuk kepada penulisan tentang tokoh agama di Kelantan; ntaranya kajian yang dijalankan oleh Ahmad Izahan dan Engku Ahmad Zaki (2018) yang mengkaji tentang tokoh Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. Kajian beliau lebih tertumpu kepada aspek pemikiran politik. Farhah Zaidar (2017) pula mengkaji tentang Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dari sudut salasilah sanad kitab turath. Manakala Asyiqin Ab Halim (2015) mengkaji tentang tokoh Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor tentang peranan dan sumbangan beliau dalam institusi fatwa di Kelantan. Kesemua tokoh yang dikaji adalah merupakan individu ternama dan mempunyai sumbangan dalam bidang masing-masing. Walau bagaimanapun, kajian tokoh Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof masih kurang dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian ini menjelaskan riwayat hidup tokoh serta sumbangan beliau sebagai ulama di Kelantan.


3. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ke atas tokoh Taun Guru Haji Daud bin Haji Yusof. Metode digunapakai dalam kajian ini menggunakan kualitatif. Data-data kajian telah dikumpul di antara Mei sehingga November 2020 melalui dua metode pengumpulan data iaitu metode kepustakaan dan temu bual. Metode kepustakaan digunakan bagi mengenalpasti konsep kajian menurut Islam. Metode ini penting untuk pengkaji mengenalpasti teori asas bidang kajiannya dengan lebih teliti serta mendapatkan maklumat, pemahaman serta fakta yang merangkumi bidang kajian yang akan dijalankan. Manakala metode temu bual pula merupakan salah satu metode bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci dari individu berkaitan tajuk kajian. Sampel kajian dipilih menggunakan prosedur persampelan bertujuan bagi memastikan sampel-sampel yang diperolehi benar-benar dapat memberikan data yang relevan kepada kajian ini.

Data-data daripada hasil dapatan akan dianalisis berdasarkan kepada dua metode iaitu melalui analisis kandungan dan analisis interpretif-deskriptif. Menurut Idris Awang, analisis kandungan ialah pendekatan yang biasanya dilakukan dalam menjalankan analisis terhadap teks-teks dokumen untuk mengenalpasti kekerapan sesuatu perkataan atau tema yang terdapat dalam sesebuah dokumen. Manakala analisis interpretif-deskriptif menurut Othman Lebar (2017) ialah suatu pemilihan dan interpretasi data dan hasilnya dapat menjelaskan dengan tepat serta menstrukturkan semula data dalam bentuk realiti yang boleh difahami dan dikenali.

4. Dapatan Kajian

Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof dibesarkan di Kampung Kedondong Pasir Mas. Pendidikan awal tokoh ini bermula di Pondok Kubang Bemban sebelum meneruskan pengajian di Pondok Genting. Setelah itu, beliau dihantar melanjutkan pendidikan ke Madrasah Dar Ulum Al-Diniyyah Al-Jawiyyah di Mekah. Setelah tamat pengajian 14 tahun di Mekah, beliau kembali ke tanah melayu dengan berkhidmat sebagai pendakwah dan berkuliah di masjid seluruh Kelantan. Tuan Guru Haji Daud memasuki arena politik dengan menjadi wakil rakyat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Dun Tumpat Barat selama 10 tahun. Semasa hayatnya, beliau menyandang jawatan Yang Di-Petua PAS Kawasan Pasir Mas selama lapan tahun. Sumbangan besar Tuan Guru Haji Daud dapat dilihat dari aspek dakwah, pendidikan, kepimpinan politik dan kemasyarakatan di Kelantan.



5. Perbincangan

5.1 Keluarga

Tuan Guru Haji Daud lahir pada tahun 1920 di Kampung Kedondong Pasir Mas. Tokoh ulamak ini merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik. Nama ayah beliau Haji Mohd Yusof bin Ibrahim manakala ibunya Khadijah Binti Samah. Tiga orang adik beradik Tuan Guru Haji Daud bernama Rokiah, Che Limah dan Che Che Munah. Tuan Guru Haji Daud sangat menyayangi adik beradik dan selalu menjadi tempat mengadu berikutan satu-satunya anak lelaki (Mansor 2020).

Menurut Suhaimi, ayah kepada Tuan Guru Hj. Daud bernama Haji Mohd Yusof Bin Haji Ibrahim berasal dari ketuunan Arab Yaman dan salah seorang agamawan berpengaruh di zamannya. Berlatarbelakang pengajian agama sejak daripada dan merupakan anak murid kepada Tuan Guru Haji Abdul Samad Genting dan Tok Pulau Ubi. Haji Mohd Yusof memiliki Kebun Getah yang luas sehingga menggajikan 15 orang pekerja dalam satu masa.

Menurut Abdul Hadi, perwatakan tokoh ini banyak dipandu oleh ayahanda beliau Haji Yusuf sama ada dari sudut akhlak, ilmu dan kepimpinan. Tuan Guru Haji Daud mempunyai dua orang isteri bernama Che Limah Binti Ahmad dan Saudah Binti Mamat. Beliau mempunyai anak seramai enam belas orang. 10 daripadanya adalah lelaki dan 6 daripadanya pula adalah perempuan. Perilaku Tuan Guru Haji Daud sebagai seorang ayah digambarkan oleh Arsyad sebagai seorang yang menyayangi anak-anaknya tanpa pilih kasih dan sangat tegas dalam mendidikan dan mentarbiah anak.

5.2 Pendidikan

Tuan Guru Haji Daud dibesarkan dalam suasana penuh kasih sayang dan sederhana. Walaupun datang dari keluarga yang berada namun ayah kepada tokoh agak tegas dengan anak-anak terutama dalam pendidikan agama. Oleh kerana itu, perjalanan menuntut ilmu dimulakan dirumah seterusnya melanjutkan pengajian di Pondok Hj. Ghani Kubang Bemban dan Pondok Hj. Saleh Yusof Pedada. Di usia muda, bakat kepimpinan yang ada pada beliau sudah terserlah, kepetahan dalam berhujah dan lunak suara apabila mengalunkan bacaan al-Quran al-Karim.

Pada usia empat belas tahun, ayahanda Tuan Guru Haji Daud dihantar membeikan kepercayaan kepada beliau untuk menyambung pengajian di tanah arab Mekah. Ketika di sana, tokoh ini menetap di rumah yang diwakafkan untuk pelajar. Madrasah Dar Ulum Al-Diniyyah Al-Jawiyyah merupakan institusi pengajian utama Tuan Guru Haji Daud. Pengajian yang dilaluinya bermula di peringkat asasi, disambung ke peringkat rendah, menengah dan diakhiri pengajian di peringkat menengah tinggi. (Redzuan 2001).

Pengajian secara halaqah diisi oleh beliau pada waktu petang dan malam di perkarangan Masjidil Haram. Sempat beliau berguru dengan beberapa ulama yang masyhur di mekah iaitu Syed Amin Al-Katabi, Syed Alwi Syed Abbas Al-Maliki, Syeikh Muhammad Al-`Arabi, Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Muhammad Al-Khatib al-Melebari., Syeikh Ibrahim Al-Fatani, Syeikh Sulaiman Ambon dan Syeikh Hasan al-Yamani.

Beliau turut berkesempatan menelaah kitab secara halaqah bersama ulama nusantara terkenal di tanah arab iaitu Syeikh Haji Noh al-Kelantani, Syeikh Husin al-Palembani dan Syeikh Abdul Qadir Bil Abdul Muthalib al-Mandili. Halaqah pengajian diadakan di masjidil haram selepas solat Asar, Maghrib dan Subuh. Zaman itu, ulama nusantara diberikan kelonggaran berhalaqah di dalam masjidil haram.

Disamping menyertai halaqah bersama alim ulama, beliau kerap bermuzakarah tentang bab-bab di dalam kitab bersama rakannya di sebuah pondok berdekatan Aziziyyah. Sahabat seperjuangan beliau yang dikenali adalah Hj. Abdul Rahman Sungai Durian (Pengasas Pondok Sungai Durian), Haji Salleh Tok Kenali (Anak kepada Tok Kenali), Baba Li Chaiya, Tuan Guru Haji Hashim Pasir Tumboh (Tok Guru Pondok Pasir Tumboh), Dato' Hj. Yusof Othman, Tuan Guru Haji Yusof Rawa (Mantan Timbalan Presiden PAS), Ustaz Haji Hassan Idris. Dato' Haji Ismail Bin Yusof (Mufti Kerajaan Kelantan) serta Ustaz Yamin al-Kelantani

5.3 Kegiatan

Tuan Guru Haji Daud pulang ke tanah air setelah selesai menghabiskan pengajian di tanah arab dan berkhidmat selaku pengkuliah agama di sekitar Pasir Mas. Kuliah beliau tertumpu kepada pengajian tafsir, hadis, nahu, tasauf dan fiqh sirah. Atas kesedaran membangunkan masyarakat yang celik ilmu dunia dan akhirat, Tuan Guru telah membina Sekolah Uagama di Kampung Meranti sebagai tapak permulaan melahirkan generasi berpendidikan tinggi. Tuan Guru Haji Daud terjun ke dunia politik sebagai salah seorang tokoh ulamak politik yang menyertai pilihanraya mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan memenangi kerusi yang dipetandingkan selama sepuluh tahun sehingga tahun 1969 sebelum menyerahkan kerusi tersebut kepada calon lain.

Pejаланan sebagai tokoh ulama politik, beliau diberikan mandat memegang jawatan tertinggi di peringkat kawasan iaitu jawatan Yang Dipertua dan memenangnya tanpa pertandingan dalam Mukhtar Agung PAS Kawasan Pasir Mas. Selain daripada itu, Pengiktirafan diberikan kepada Tuan Guru Haji Daud apabila dilantik menjadi Pegawai Hubungan Serata untuk syarikat Tabung Haji di Kelantan. Tuan Guru Haji Daud dilantik bagi menjelaskan keutamaan menyimpan duit di sini kerana kesedaran menabung amat rendah waktu tersebut.

5.4 Kewafatan

Berdasarkan Mohd Anuar, Tuan Guru Hj. Daud rebah di meja makan ketika menikmati makan tengahari bersama keluarga dan meninggal dunia di tempat kejadian. Jenazah tokoh ini disolatkan oleh pengikut dan masyarakat setempat di Masjid Kg. Meranti dan dikuburkan di kampugn yang sama. Mengenang jasa bakti yang dicurahkan oleh Tuan Guru Haji Daud kepada masyarakat dan mendapat perkenan dianugerahkan Pingat Setia Mahkota Kelantan (SMK) dan Seri Kelantan (SK) oleh KDYMM al-Marhum al-Sultan Yahya Petra Ibni al-Marhum Sultan Sultan Ibrahim sempena keputeraan Sultan Kelantan. Tuan Guru Hj. Daud diisytiharkan Tokoh Ulama PAS Kelantan ketika Sambutan Jubli Emas PAS Kelantan tahun 2003. Pihak Sekolah Arab Meranti juga berbesar hati menamakan dewan sekolah ini dengan nama Dewan Tuan Guru Hj. Daud bagi mengingati sumbangan dan bakti tokoh.

5.5 Sumbangan Tuan Guru Haji Daud

5.5.1 Pendidikan dan Dakwah

Tuan Guru Hj. Daud mempunyai jasa dan sumbangan dalam sektor pendidikan dan dakwah. Sosok ini telah mewujudkan beberapa institusi pengajian antaranya Madrasah Hj. Daud Kampung Meranti, Sekolah Arab Meranti dan Madrasah Nasrullah (Pusat Tarbiah Pasir Mas). Fungsi dan matlamat terhadap setiap institusi yang diasaskannya berbeza berlainan satu sama lain. Yang pertama, Pondok Hj. Daud pertama diusahakan dan merupakan institusi pengajian awam menfokuskan pengajian secara berkitab serta terbuka kepada semua. Yang kedua ialah Sekolah Arab Meranti menawarkan pengajian bermula peringkat rendah sehingga peringkat menengah berdasarkan silibus yang telah digariskan pihak berwajib.

Madrasah Nasrullah (Pusat Tarbiah Pasir Mas) pula pusat pengajian berorientasikan *tafaqquh fiddin* seiring dengan penubuhan Pusat Tarbiah Pasir Mas yang ingin melahirkan masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan dan celik politik. Dalam pada itu, Tuan Guru Haji Daud berkuliah secara mingguan di masjid menggunakan Kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman. Manakala pendekatan yang digunakan oleh Tuan Guru Haji Daud dalam menyampaikan ilmu tafsir secara pelbagai dengan mendatangkan contoh-contoh dalam ilmu lain.

Tuan Guru Hj. Daud memiliki kelebihan dalam ilmu mantiq. Menurut zulkipli, Tuan Guru Hj. Daud pernah menerangkan satu persoalan dalam kuliahnya tentang syaitan dan api. "Syaitan dijadikan daripada api, adakah syaitan yang dicipta daripada api itu apabila dimasukkan ke dalam api akan merasai sakit? Lalu Tuan Guru mengibaratkan situasi menggumpal seketul tanah dan membaling tanah ke badan muridnya. Muridnya terpinga-pinga kenapa gurunya membaling tanah ke arahnya? Lalu muridnya bertanya? Kenapa Tuan guru baling tanah tersebut ke arahnya, lalu Tuan guru menjawab dengan pertanyaan, "Sakitkah"? Kalau kamu yang dibuat daripada tanah rasa sakit apabila dibaling dengan tanah, maka begitu juga iblis yang dibuat daripada api akan rasa sakit bila dimasukkan ke dalam api". Ketinggian ilmunya mampu menghuraikan contoh yang mudah agar dapat difahami dengan jelas dan senang.

Sumbangan dalam bidang dakwah khususnya dakwah kepada masyarakat awam boleh diitnjau melalui kepadatan jadual berkuliah sepanjang minggu bermula Ahad sehingga Sabtu. Kuliah Tuan Guru Haji Daud bermula malam Ahad bertempat di Kota Bharu iaitu Masjid Muhammadi, manakala malam Isnin juga di jajahan kota bharu iaitu Masjid Mukim Kota. Kuliah beliau diteruskan pagi malam Selasa bertempat di Madrasah Kampung Meranti, disusuli malam Rabu di Madrasah Seberang Salor. Tuan Guru Haji Daud berkuliah di Masjid Besar Tumpat pada malam khamis, kuliah

diteruskan pada malam yang sama di malam khamis di Madrasah Kampung Talak sehingga jam 12.00 tengah malam.

Manakala malam Jumaat di Masjid Besar Pasir Mas diikuti kuliah selepas Isyak di Masjid Kubang Bemban. Kuliah pada hari Jumaat adalah paling pada kerana kuliah beliau bermula daripada pagi sehingga malam. Waktu pagi berkuliah di masjid jajahan seluruh Kelantan secara bergilir. Kuliah disambung selepas jumaat di Masjid Jajahan Machang, seterusnya Madrasah di Kemuning dan berkahir di Surau Balai Bomba Kota Bharu. Setiap malam terakhir hujung minggu, Tuan Guru Haji Daud menyampaikan berkuliah di Madrasah Pondok Hj. Zain Meranti. Tokoh ini turut diundang untuk menyampaikan kuliah bulanan sebuah masjid di Pulau Pinang.

Jadual Kuliah Tuan Guru Haji Daud Bin Haji Yusof Seluruh Kelantan

Bil.	Waktu	Tempat
1.	Malam Ahad	Masjid Mukim Kota Kota Bharu
2.	Malam Isnin	Madrasah Kg. Meranti
3.	Malam Selasa	Madrasah Seberang Salor
4.	Malam Rabu	Masjid Jajahan Tumpat
		Madrasah Kampung Talak
5.	Malam Khamis	Masjid Pasir Mas
		Masjid Kubang Bemban
6.	Jumaat	Masjid Besar Jajahan
		Masjid Jajahan Machang
		Madrasah Kemuning
		Balai Bomba dan Penyelamat Kota Bharu
7.	Malam Sabtu	Madrasah Pondok Hj Zain
8.	Bulanan	Masjid di Pulau Pinang

(Sumber: Mohd Mansor, 2020)

5.5.2 *Kepimpinan Politik*

Tuan Guru mula bergiat aktif dalam dunia politik sejak zaman pengajiannya di mekah. Sekembalinya dari tanah arab, beliau merupakan agamawan yang dipilih untuk menjadi calon dalam Pilihanraya Umum (PRU) pada tahun 1959 mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di DUN Tumpat Barat. Peletakkan calon yang sesuai oleh PAS telah menatijahkan kemenangan sebanyak 28 daripada 30 yang dipertandingkan di seluruh Kelantan. Kemenangan yang diperolehi termasuk kerusi Tuan Guru. Manakala dua kerusi lagi dimiliki oleh calon Perikatan.

Kerusi DUN Tumpat Barat yang diwakili oleh Tuan Guru Haji Daud dimenangi oleh beliau pada PRU tahun 1959 dengan mengalahkan calon Perikatan Othman Bin Mohd Uddin dan calon bebas Ibrahim tunggal dengan majoriti sebanyak 3191 (Laporan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1959). Dua orang tokoh agamawan yang turut sama memenangi kerusi yang ditandingi ialah Tuan Guru Haji Harun bin Sulong di DUN Lemal dan Tuan Guru Haji

Che Hassan Bin Ismail mewakili DUN Tendong. Banyak pembaharuan yang berlaku di Kelantan ketika Tuan Guru Haji Daud berada dalam kepimpinan kerajaan Negeri Kelantan antaranya penubuhan Tabung Biasiswa Pendidikan, pelantikan pegawai Agama jajahan dan guru-guru Agama di sekolah dan menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LTKNK). (Salahuddin dan Hydselan, 2010).

Di atas khidmat cemerlang Tuan Guru Haji Daud sebagai wakil rakyat di DUN Tumpat Barat, beliau diberikan kepercayaan kali kedua oleh parti untuk mempertahankan kerusi tersebut bagi penggal yang kedua. Berkat usaha berterusan, Tuan Guru Haji Daud mempertahankan DUN Tumpat Barat dan berjaya mengalahkan calon Perikatan Mohamed Musa dengan majoriti 2043 (Laporan Suruhanjaya Pilihanraya tahun 1964). Suasana PRU tahun 1964 adalah paling mencabar kerana calon-calon PAS Kelantan berhadapan dengan pelbagai provokasi antaranya cubaan membakar rumah pimpinan PAS, cubaan merobohkan pintu gerbang serta penangkapan calon-calon PAS dan para agamawan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Paridah, 1973). Antara yang ditangkap adalah Tuan Guru Haji Yaacob Berangan, Tuan Guru Haji Nor Abdullah, YB Tuan Guru Haji Che Hassan, Tuan Guru Haji Sulaiman Bin Omar, Tuan Guru Haji Omar Daud, dan YB Ustaz Nik Abdullah Bin Arshad. Walau bagaimanapun, Tuan Guru Haji Daud terselamat daripada ditangkap.

Kememangan Tuan Guru Haji Daud didorong oleh semangat kerja sepasukan di dalam PAS. PAS turut berjaya mengekalkan kemenangan di negeri Kelantan bagi penggal yang kedua. YAB Dato' Mohamed Asri Muda mengemudi kerajaan negeri dibantu oleh wakil rakyat PAS yang lain termasuk Tuan Guru Haji Daud. Keberadaan tokoh agamawan seperti YB Tuan Guru Haji Daud, YB Tuan Guru Haji Haron dan YB Tuan Guru Haji Che Hassan dalam barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan menyaksikan pelbagai transformasi dijalankan. Antaranya pemerkasaan Undang-Undang Kekeluargaan, penubuhan Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA), penubuhan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Istana Lama Nilam Puri serta penubuhan Maahad Dakwah Wal Imamah (Pas Online 2020).

Ujian dan cabaran sebagai ahli politik Islam tidak dapat dielakkan. Dalam era tahun 1960an, muncul satu kumpulan yang cukup terkenal dalam masyarakat di Kelantan iaitu Pemuda Tahan Lasak (PTL). PTL diasaskan oleh Encik Sardon Jubir selaku Ketua Pemuda UMNO Malaysia. PTL berperanan menarik belia untuk menyokong dan berkhidmat kepada UMNO (Umno Online, 2020). Walau bagaimanapun, fungsi PTL dimanipulasi oleh sebahagian ahli UMNO dan bertindak agresif ketika berhadapan dengan seteru politik dari ahli parti PAS. Diceritakan oleh Wan Zulkifli sewaktu Tuan Guru Haji Daud dalam perjalanan menyampaikan ceramah dalam kawasannya di Tumpat Barat. Ada dalam kalangan PTL telah membuat halangan jalanraya bagi menghalang penyokong hadir ke ceramah PAS. Halangan tersebut

berjaya dialihkan oleh penyokong PAS. Namun, pelaku dalam kalangan PTL tersebut ditimpa penyakit misteri. Hal itu menyebabkan si pelaku datang berjumpa dengan Tuan Guru Haji Daud untuk memohon maaf serta memohon agar didoakan kepada beliau diberikan kesembuhan.

Kedua, peristiwa berlaku semasa pilihanraya kecil di Parlimen Bachok tahun 1964 setelah penyandang kerusi tersebut Profesor Zulkifli Bin Muhammad meninggal dunia dalam kemalangan jalanraya ketika perjalanan pulang ke rumah. Pilihanraya kecil ini menyaksikan pertembungan di antara calon UMNO dan PAS. Tuan Guru Haji Daud ditugaskan untuk memantau pos PAS dalam kawasan kuat UMNO. Menurut Dato' Haji Omar Mohamad, ketika beliau dan beberapa orang pemuda bersama Tuan Guru Haji Daud di dalam pos tersebut, tiba-tiba didatangi jentolak berusaha merobohkan pos. Sebaik sahaja jentolak mula merempuh bahagian sisi pos, enjin jentolak mati menyebabkan pemandu jentolak bertempiaran lari. Sejak daripada itu, PTL tidak berani untuk mengganggu terutama Tuan Guru Haji Daud.

Perjalanan politik Tuan Guru Haji Daud sebagai wakil rakyat berakhir pada tahun 1969. Beliau memohon supaya berundur dan memberikan peluang kepada calon tempatan bertanding atas tiket PAS di DUN Tumpat Barat. Keutamaan Tuan Guru Haji Daud setelah itu adalah mengembangkan ilmu-ilmu agama melalui kuliah disampaikan secara mingguan seluruh Kelantan. Walau bagaimanapun, kesetiaan beliau terhadap PAS tidak berbelah bahagi. Sewaktu krisis Dato' Mohamed Asri Muda selaku presiden PAS pada tahun 1982 menyebabkan seluruh Jawatankuasa PAS Kawasan Pasir Mas meletakkan jawatan. Saat itu, Tuan Guru Haji Daud bertanggungjawab memimpin PAS kawasan Pasir Mas dan mengatur strategi membina kembali kepimpinan yang ditinggalkan. Beliau satu-satunya Yang Dipetua PAS kawasan yang memenangi jawatan tersebut tanpa bertanding dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kawasan Pasir Mas. Sumbangan besar Tuan Guru Haji Daud telah berjaya mengembalikan kepimpinan PAS kawasan yang kukuh dan setia. Kejayaan turut dicapai melalui pembeian sebidang tanah yang diwakafkan bagi membina sebuah Pusat Tarbiah Islamiyyah di Pohon Buluh Pasir Mas Kelantan. Hasilnya, PAS kawasan Pasir Mas menjadi salah sebuah kubu PAS yang terkuat dan terlama di Malaysia. Jawatan Yang Dipertua PAS Kawasan Pasir Mas disandang oleh beliau sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1987 (Suhaيمي, 2020).

5.5.3 Kepimpinan Masyarakat

Sumbangan Tuan Guru Haji Daud bukan sahaja dari sudut dakwah, pendidikan dan kepimpinan politik. Namun, aura dan bakat kepimpinan ditonjolkan oleh Tuan Guru Haji Daud melalui kepimpinan dalam masyarakat. Setiap permasalahan yang timbul dalam masyarakat setempat menjadikan Tuan Guru sebagai tempat rujukan. Permasalahan yang timbul sama ada berkaitan tentang

masalah hukum, keluarga, rumah tangga dan perbalahan. Bakat kemimpinan yang ada pada beliau sejak dari kecil sehingga dewasa menarik ramai di kalangan masyarakat mengambil ibrah sewaktu beliau berkuliah di masjid.

Setiap pandangan dilontarkan akan mengambil kira pelbagai sudut dan keutamannya pada masalah umum. Menurut Hasan, ketika mesyuarat ahli jawatankuasa masjid Meranti diadakan bagi memilih tapak masjid yang sesuai berikutan lokasi masjid sedia ada tidak kondusif, setiap ahli mesyuarat termasuk Tuan Guru Haji Daud menawarkan tanah milik masing-masing secara percuma untuk dijadikan sebagai tapak masjid yang baru. Di waktu yang sama, bangun salah seorang ahli jawatankuasa bernama Tuan Jal menawarkan tanah untuk diwakafkan sambil merayu kepada seluruh ahli jawatankuasa agar permintaan itu diterima oleh semua hadirin. Permohonan Tuan Jal berikutan beliau tidak mempunyai zuiat dan wakafnya itu adalah satu-satunya amal kebajikan yang boleh berkekalan apabila meninggal dunia nanti.

Setelah mengambil kita setiap cadangan dan pandangan yang dilontarkan oleh semua ahli jawatankuasa, Tuan Guru Haji Daud sebagai pengerusi mesyuarat berpandangan tapak baru masjid Meranti hendaklah dibuat di atas tanah yang akan diwakafkan oleh Tuan Jal meskipun lokasi tanah tersebut jauh daripada penempatan masyarakat dan jalan utama. Pada mula ada sebahagian ahli jawatankuasa tidak bersetuju namun kesemuanya akur setelah keputusan dikeluarkan. Hikmah dilihat setelah masjid didirikan, ramai mula membeli tanah di sekitar masjid dan mendirikan rumah sehingga kawasan tersebut menjadi kawasan penempatan baru masyarakat ada di kampung Meranti. Tindakan Tuan Guru Haji Daud tepat pada waktu dan sangat bertanggungjawab menjaga semua pihak dengan mengambil kira pelbagai aspek sebelum mengeluarkan pandangan.

Bakat kepimpinan Tuan Guru Haji Daud tidak terhenti kepada beliau, bahkan diwarisi dan diteruskan oleh anakanda beliau. Dua orang anak Tuan Guru yang dimaksudkan ialah YB Dato' Panglima Perang Dato' Haji Mohd Nassuruddin dan Ustaz Haji Mohd Mansor, Dato' Haji Mohd Nassuruddin merupakan wakil rakyat DUN Meranti sejak tahun 1995 sehingga kini, menjawat pelbagai jawatan di peringkat parti dan kerajaan. Antaranya Timbalan Speaker Kerajaan Kelantan, Speaker Kerajaan Kelantan dan Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Manakala di peringkat parti dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Yang Dipertua PAS kawasan Pasir Mas, ketua penerangan PAS Kelantan dan ahli jawatankuasa PAS pusat. Manakala Ustaz Haji Mohd Mansor merupakan mantan Mudir Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Pulau Chondong, mantan Mudir Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu, mantan penolong pengarah Yayasan Islam Kelantan dan terkini adalah Pengarah Yayasan Daril Ulum.

6. Penutup

Secara kesimpulannya, Tuan Guru Haji Daud merupakan tokoh yang disegani setiap lapisan masyarakat. Jasa bakti yang dicurahkan kepada masyarakat dalam mengembangkan ilmu pendidikan agama sampai ke pelusuk negeri Kelantan. Kesungguhan Tuan Guru Haji Daud pada aspek pendidikan dapat dilihat melalui pembukaan Pondok Haji Daud, Sekolah Ugama Arab Tarbiah Diniah Meranti dan Pusat Tarbiah Pohon Buloh. Kepercayaan yang diberikan oleh parti mewakili beliau sebagai calon pilihanraya dan menang membuktikan bakat kepimpinan yang ada pada Tuan Guu Haji Daud terserlah. Bakat kepimpinan turut diterjemah kepada masyarakat apabila dijadikan tempat rujukan setiap masalah yang timbul sama ada bab keluarga, tanah dan hukum hakam. Hikmah dalam berdakwah setiap kali berkuliah menyebabkan beliau diterima dan mempunyai ramai pengikut.

7. Cadangan

Dicadangkan penulisan akan datang mengkaji tentang pemikiran Tuan Guru Haji Daud semasa beliau menjawat jawatan sebagai ADUN Tumpat Barat selama 2 penggal. Proses temu bual boleh diadakan bersama kepimpinan senior PAS kawasan Tumpat kerana pada ketika itu Tuan Guru Haji Daud turut mengganggotai ahli jawatankuasa PAS kawasan Tumpat. Bagi mendapatkan gambaran jelas tentang padangan dan suara beliau di DUN, kajian boleh dijalankan melalui penelitian hansard DUN Kelantan. Bagi melengkapkan lagi kajian tersebut, dicadangkan proses temu bual dilaksanakan bersama pemimpin-pemimpin utama parti yang masih lagi berkhidmat dan pernah berada di dalam satu majlis. Secara tidak langsung mendapat gambaran tentang sosok ini dari sudut gaya penghujahan dan akhlak yang ditonjolkan.

Rujukan

- Ahmad Izahan Ibrahim & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2018. Pemikiran Politik Hassan Al-Banna, Syed Qutb Dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat: Satu Analisis. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 214-223.
- Ahmad Mujahideen et al. 2020. Allahyarham Hassan Bin Mat Saman: Tokoh Ulamak Kelantan. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 2 (4): 103-113.
- Al-Sajestani, Abi Daud Sulaiman Bin Al-Asy'at, 2019. *Sunan Abī Dāwud*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Arba'iyah Mohd Nor. 2008. Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan. *Persatuan Sejarah Malaysia*. 68-83.
- Asyiqin Ab Halim, 2016. Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Nor penambang: peranan dan Sumbangannya dalam institusi fatwa di Kelantan, *Journal Of At-Tamadun*, 10(1), 19-28.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, 2016. *Tokoh-Tokoh Ulama Melayu Nusantara*. Selangor: Kolej Univesiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Fadhli Ghani. 2018. Sejarah Parti Islam Se-Malaysia. Laman sesawang Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Dicapai pada 10 Oktober 2020. <https://pas.org.my/sejarah-parti-islam-se-malaysia-pas/>
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad & Siti Mursyidah Mohd. Zin. Salasilah Sanad Kitab Turath Hadis Tokoh Ulama Kelantan Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah (1933-2008). Jurnal HADIS, 7(14), 1-23.
- Farrah Wahida Mustafar, 2021. Penyebaran Islam Dalam Ketamadunan Melayu: Satu Tinjauan Awal Ke Atas Masyarakat Melayu Di Kelantan. Jurnal Tuah, 2: 18-33/
- Luqman Abdullah, 2011. Latest Development Of Traditional Islamic Education In Kelantan. Proceedings of INTED2011 Conference. 7-9 March 2011. Valencia Spain. 2193-2198.
- Mohammad Redzuan Othman. 2001. Masjid Al-Haram dan Perannanya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin*. 13 (5): 65-80.
- Othman Lebar, 2017. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Perak: Penerbit UPSI.
- Paridah Ali. 1973. Sejarah PAS di Kelantan 1953-1959. Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 03-04:71-88.
- Salahuddin Bin Abdullah & Hydzlan Bin Hashim, 2010. Sejarah PAS Kelantan 1959-1978: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah. Kota Bharu: Pustaka Iman.
- Sejarah Pemuda UMNO. Laman sesawang Umno Online. Dicapai pada 11 Oktober 2020. <https://www.pemuda.com.my/sejarah-umno/>

Tembual

- Abdul Hadi Omar. (2020, 20 November). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Mohd Mansor bin Daud. (2020, 21 November). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Zulkepli Awang. (2020, 25 November). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Mohd Nassuruddin bin Daud. (2020, 26 Disember). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Arsyad Bin Ahmad. (2020, 26 November). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Abdul Rahim bin Abdul Rahman. (2020, 22 Disember). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).
- Suhaimi Daud. (2020, 28 Disember). Latar belakang Tuan Guru Haji Daud (Temu bual).